

BIDANG 3 : PENGAJIAN AL-HADITH

TAJUK 1 : BERPEGANG TEGUH KEPADA AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

KANDUNGAN :

1. Intisari hadith
2. Peranan Al-Quran dan As-Sunnah
3. Sebab-sebab perlu berpegang dengan Al-Quran dan As-Sunnah
4. Kepentingan berpegang kepada Al-Quran dan As-Sunnah
5. Usaha dan tindakan untuk menjadikan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai pegangan dalam kehidupan
6. Pengajaran hadith
7. Penilaian

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُم بِهِمَا كِتَابُ اللَّهِ وَسُنَّةُ نَبِيِّهِ "

Erti hadith : Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama-lamanya selagi berpegang dengan kedua-duanya, iaitu Al-Quran dan Sunnah Rasulullah saw.

INTISARI HADITH

- ✓ Rasulullah saw menyeru manusia untuk berpegang teguh dengan Al-Quran dan As-Sunnah dalam kehidupan.
- ✓ Rasulullah saw menegaskan bahawa Al-Quran dan As-Sunnah ialah pusaka yang tidak ternilai kepada manusia.

AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

- ✓ Al-Quran dan As-Sunnah dijadikan sumber utama melahirkan ketamadunan umat Islam
- ✓ Pedoman Al-Quran dan As-Sunnah dijadikan peranti kehidupan.
- ✓ Sumber rujukan yang mampu menjadi petunjuk dalam kehidupan.

SEBAB-SEBAB PERLU BERPEGANG DENGAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

- ✓ Mudah memperolehi taufik dan hidayah Allah
- ✓ Panduan utama dalam menjalani kehidupan
- ✓ Elak perselisihan pendapat dan perpecahan umat
- ✓ Ajaran yang terkandung dalam Al-Quran dan As-Sunnah adalah benar
- ✓ Isi kandungan Al-Quran dan As-Sunnah sesuai diamalkan sepanjang zaman

KEPENTINGAN BERPEGANG KEPADA AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

- ✓ Umat Islam mendapat petunjuk untuk membina kehidupan yang selaras dengan tuntutan Allah.
- ✓ Lahir muslim yang berperibadi unggul kerana patuh dengan ajaran yang terkandung dalam Al-Quran dan As-Sunnah.
- ✓ Mengembangkan pelbagai cabang ilmu berdasarkan penelitian terhadap isi kandungan Al-Quran dan As-Sunnah
- ✓ Mengukuhkan perpaduan umat Islam kerana penghayatan terhadap tuntutan Al-Quran dan As-Sunnah.

USAHA DAN TINDAKAN UNTUK MENJADIKAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH SEBAGAI PEGANGAN DALAM KEHIDUPAN

1. INDIVIDU

- ✓ Mendalami Al-Quran dan As-Sunnah sejak kecil
- ✓ Melibatkan diri dalam Majlis Halaqah Al-Quran dan Majlis Pembacaan Hadith

2. MASYARAKAT

- ✓ Masyarakat saling bantu-membantu dalam melahirkan generasi yang kukuh dengan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah
- ✓ Anggota masyarakat memainkan peranan aktif dalam usaha penyebaran kefahaman Al-Quran dan As-Sunnah kepada generasi seterusnya.

3. NEGARA

- ✓ Menubuhkan sekolah dan pusat Pendidikan berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah
- ✓ Menjadikan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai panduan dan dasar Pendidikan negara
- ✓ Institusi keagamaan menjalankan peranan aktif sebagai pusat rujukan mengenai Al-Quran dan As-Sunnah

PENGAJARAN HADITH

- ✓ Umat Islam perlulah menjadikan Al-Quran dan Hadith sebagai sumber rujukan utama dalam kehidupan supaya dapat mengelakkan diri daripada terjerumus dalam kesesatan.
- ✓ Umat Islam perlulah menjauhkan diri daripada mempersendakan ajaran yang terkandung dalam Al-Quran dan As-Sunnah kerana perbuatan tersebut akan membatalkan iman.

PENILAIAN

1. ISIKAN TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG BETUL

- a. Kesejahteraan dan kebahagiaan hidup umat Islam terhasil apabila _____
dan _____ menjadi perisai dan banteng.
- b. Rasulullah saw menegaskan bahawa Al-Quran dan As-Sunnah ialah
_____ yang tidak _____ kepada manusia.
- c. Ajaran yang terkandung dalam Al-Quran dan As-Sunnah adalah _____
dan _____.

2. JAWAB SOALAN BERIKUT DALAM RUANGAN YANG DISEDIAKAN

- a. "Pelajar yang menjadikan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai panduan merupakan pelajar yang hebat"

Pada pandangan anda, mengapakah berpegang dengan Al-Quran dan As-Sunnah amat penting dalam diri seorang pelajar?

- b. "Al-Quran dan As-Sunnah merupakan pusaka tinggalan Nabi Muhammad saw yang tidak ternilai.

Pada pandangan anda, apakah implikasi yang akan dihadapi oleh umat Islam sekiranya mengabaikan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah?

3. JAWAB SOALAN BERIKUT DENGAN MENGEMUKAN HUJAH, DALIL DAN RUMUSAN.

- a. "Majlis Tadabbur Al-Quran – Bengkel Kutub Sittah – Program Halaqah Hadith

Pada pandangan anda, apakah yang akan berlaku sekiranya majlis sebegini sentiasa diadakan secara istiqamah dalam kalangan anggota masyarakat.

SKEMA PENILAIAN

1. ISIKAN TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG BETUL
 - a Kesejahteraan dan kebahagiaan hidup umat Islam terhasil apabila **AL-QURAN** dan **AS-SUNNAH** menjadi perisai dan banteng.
 - b Rasulullah saw menegaskan bahawa Al-Quran dan As-Sunnah ialah **PUSAKA** yang tidak **TERNILAI** kepada manusia.
 - c. Ajaran yang terkandung dalam Al-Quran dan As-Sunnah adalah **BENAR** dan **TIDAK DIRAGUI**.

2. JAWAB SOALAN BERIKUT DALAM RUANGAN YANG DISEDIAKAN

- a “Pelajar yang menjadikan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai panduan merupakan pelajar yang hebat”

Pada pandangan anda, mengapakah berpegang dengan Al-Quran dan As-Sunnah amat penting dalam diri seorang pelajar?

- Melahirkan pelajar yang patuh pada kandungan Al-Quran dan As-Sunnah supaya tidak terjerumus dalam lembah kejahilan
- Melahirkan pelajar yang berperibadi mulia hasil daripada acuan Al-Quran dan As-Sunnah bagi menjadi contoh teladan kepada rakan-rakan.

- b “Al-Quran dan As-Sunnah merupakan pusaka tinggalan Nabi Muhammad saw yang tidak ternilai.

Pada pandangan anda, apakah implikasi yang akan dihadapi oleh umat Islam sekiranya mengabaikan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah?

- Umat Islam akan berbalah sesama sendiri kerana tidak berpegang denga isi kandungan Al-Quran dan As-Sunnah
- Umat Islam akan berada dalam kesesatan kerana tidak berpegang kepada petunjuk wahyu.

3. JAWAB SOALAN BERIKUT DENGAN MENGEMUKAN HUJAH, DALIL DAN RUMUSAN.

- a “Majlis Tadabbur Al-Quran – Bengkel Kutub Sittah – Program Halaqah Hadith

Pada pandangan anda, apakah yang akan berlaku sekiranya majlis sebegini sentiasa diadakan secara istiqamah dalam kalangan anggota masyarakat.

- Pada pandangan saya, sekiranya majlis sebegini istiqamah diadakan, maka


Isi	Masyarakat akan terpelihara daripada kesesatan dalam hidup
Huraian	Kerana mereka gigih dalam mempelajari ajaran Al-Quran dan As-Sunnah
Huraian Lengkap	Supaya mereka dapat mengamalkannya dalam kehidupan seharian

Dalil	 ترکت فیکم امرین
Huraian Dalil	Rasulullah menegaskan bahawa dua pusaka paling bernilai iaitu Al-Quran dan As-Sunnah perlulah diamalkan dalam kehidupan
Rumusan	Oleh itu, kita hendaklah berusaha mendalami ilmu Al-Quran dan As-Sunnah sehingga berupaya mengamalkannya dalam kehidupan agar memperolehi kejayaan dunia dan akhirat.

TAJUK 2 : KELEBIHAN MENUNTUT ILMU

KANDUNGAN :

1. Intisari hadith
2. Kewajipan dan Kelebihan Menuntut Ilmu
3. Kategori Ilmu Yang Wajib Dipelajari
4. Perbezaan Antara Orang Yang Berilmu dan Orang Tidak Berilmu
5. Kepentingan Menuntut Ilmu
6. Usaha dan Tindakan Yang Bertepatan Dengan Tuntutan Hadis
7. Pengajaran
8. Penilaian



Erti hadith : Barang siapa yang berusaha untuk menuntut ilmu, Allah akan memudahkan baginya jalan-jalan ke syurga. Dan sesungguhnya para malaikat membentangkan sayapnya kerana redha ke atas penuntut ilmu , dan semua makhluk yang berada di langit , di bumi dan ikan di dalam air sentiasa memohon keampunan daripada Allah untuk orang yang berilmu. Kelebihan orang yang berilmu berbanding seorang hamba, sama seperti bulan purnama berbanding cakerawala lain. Sesungguhnya para ulamak ialah pewaris para nabi. Para nabi tidak meninggalkan mata wang dinar dan dirham walau sedikit pun, tetapi mereka meninggalkan ilmu pengetahuan. Sesiapa yang mendapatkan ilmu akan mendapat habuan yang besar.

1. Intisari Hadith

- a. Ketaatan dan kepatuhan manusia kepada Allah dan Rasulullah berdasarkan kefahaman ilmu yang dituntut
- b. Orang berilmu akan dihormati oleh manusia, malaikat dan seluruh makhluk alam.
- c. Ulama mendapat kedudukan yang istimewa di sisi Allah dan manusia kerana menyambung tugas Rasulullah menyampaikan ilmu dan menyebarkan dakwah
- d. Kedudukan ilmu pengetahuan lebih utama dan berharga daripada wang dan harta kerana pusaka dari nabi.

2. Kewajipan dan Kelebihan Menuntut Ilmu

- a. Memudahkan jalan ke syurga yang menjadi tempat tinggal kekal abadi
- b. Malaikat bersama-sama orang yang menuntut ilmu
- c. Sentiasa mendapat keredhaan Allah dalam kehidupan dunia.
- d. Semua makhluk sentiasa memohon keampunan untuk orang menuntut ilmu

3. Kategori Ilmu Yang Wajib Dipelajari

- a. Fardhu Ain
 - i. Maksud : Ilmu yang wajib dipelajari atau ilmu asas kepada setiap individu.
 - ii. Contoh : Ilmu akidah, ilmu syariah dan ilmu akhlak
- b. Fardhu Kifayah
 - i. Maksud : Ilmu yang perlu dipelajari untuk memenuhi keperluan diri, masyarakat dan Negara.
 - ii. Contoh : Ilmu perubatan, ilmu perniagaan dan ilmu teknologi

4. Perbezaan Antara Orang Yang Berilmu dan Orang Tidak Berilmu

Bil.	Orang Yang Berilmu	Orang Yang Tidak Berilmu
1.	Sentiasa mendapat petunjuk dan hidayah	Hidup dalam kegelapan dan kesesatan kerana terpengaruh dengan hasutan syaitan.
2.	Cerdik dan celik akal kerana bimbingan ilmu	Kejahilan membelenggu diri kerana malas membaca dan mencari ilmu.
3.	Memiliki akhlak mahmudah kerana dapat membezakan antara yang hak dan batil.	Memiliki akhlak mazmumah dan keji kerana tiada panduan hidup.
4.	Menjaga maruah diri daripada perlakuan negative.	Mudah membinasakan diri sendiri menyebabkan maruah menjadi hina
5.	Sentiasa menghargai masa kerana sibuk dengan menuntut ilmu.	Membuang masa dengan melakukan aktiviti tidak berfaedah

5. Kepentingan Menuntut Ilmu

- a. Orang yang berilmu dijanjikan oleh Allah akan ditinggikan darjat menjadi orang yang mulia.
- b. Ilmu merupakan cahaya kehidupan yang membimbing manusia ke jalan yang benar
- c. Ilmu membantu manusia meningkatkan taraf hidup menuju kesejahteraan, sama ada rohani dan jasmani.
- d. Ilmu adalah kunci untuk membuka rahsia alam dan rahsia kejayaan hidup di dunia dan akhirat

6. Usaha dan Tindakan Yang Bertepatan Dengan Tuntutan Hadis

- a. Individu
 - i. Pelajar perlu mencontohi para sarjana dan ualmaq yang sentiasa tekun mencari ilmu
 - ii. Pelajar perlu bijak mencari kawan yang rajin belajar supaya terpengaruh dengan tabiat yang baik.


- b. Masyarakat
 - i. Ibubapa perlu memberikan galakan untuk belajar semenjak kecildengan memberi bahan bacaan yang bermanfaat
 - ii. Anggota masyarakat wajar meneruskan amalan menghantar anak-anak ke tadika supaya mereka membesar dengan ilmu.
- c. Negara
 - i. Kerajaan hendaklah membina pusat ilmu seperti perpustakaan dan pusat hentian ilmu.
 - ii. Agensi kerajaan perlu aktif menarik minat membaca dalam kalangan masyarakat dengan menganjurkan kempen dan pertandingan.

7. Pengajaran

- a. Setiap muslim dituntut supaya mencintai ilmu kerana ilmu adalah cahaya yang menerangi hati untuk mengenal Allah.
- b. Setiap pelajar perlu memahami bahawa Allah mengangkat martabat orang yang beriman dan berilmu.
- c. Setiap pelajar wajib menuntut ilmu kerana amalam ini adalah pusaka para Nabi yang kaya dengan rahmat Allah.

PENILAIAN

1. Ilmu akhlak adalah termasuk dalam kategori ilmu _____.
2. Maksud potongan hadits “ ورثة الأنبياء ” ialah _____.
3. Cara yang paling tepat bagi seseorang pelajar menjaga ilmu supaya diberkati oleh Allah ialah _____.
4. Terangkan kewajipan dan kelebihan bagi orang yang menuntut ilmu?
 - 1.
 - 2.
5. Jelaskan perbezaan antara Orang Yang Berilmu dan Orang Tidak Berilmu?
 - 1.
 - 2.




6. Pada pendapat anda, bagaimanakah situasi di atas boleh membantu pelajar meningkatkan pencapaian akademik dalam peperiksaan?

SKEMA

1. Fardhu Ain
2. Ulamak ialah pewaris nabi
3. Menghayati dan mengamalkan ilmu yang diperolehi
4.
 1. Allah memudahkan jalan ke syurga yang menjadi tempat tinggal yang kekal abadi selamanya.
 2. Semua makhluk sentiasa memohon keampunan untuk orang menuntut ilmu.
5. Perbezaan antara orang berilmu dengan orang yang tidak berilmu ialah:
 1. Orang berilmu sentiasa mendapat petunjuk dan hidayah, manakala orang tidak berilmu hidup dalam kegelapan dan kesesatan kerana terpengaruh dengan hasutan syaitan.
 2. Orang berilmu Cerdik dan celik akal kerana bimbingan ilmu, manakala orang yang tidak berilmu dibelenggu kejahilan diri kerana malas membaca dan mencari ilmu.
6. Pada pendapat saya, situasi di atas boleh berlaku :


Isi	Apabila pelajar menghargai kemudahan belajar yang disediakan oleh pihak sekolah atau kerajaan
Huraian	Ini dapat dilakukan dengan menggunakan kemudahan yang disediakan dengan baik dan tidak melakukan tindakan vandalisme
Huraian Lengkap	Kesannya pelajar akan dapat meningkatkan pencapaian akademik dalam peperiksaan yang dijalani
Dalil	

	
Huraian Dalil	Mafhum ayat di atas menjelaskan tentang keperluan manusia mensyukuri nikmat Allah Taala dan Allah tidak akan teragak-agak untuk menambahkan nikmat-Nya kepada hamba yang bersyukur
Rumusan	Oleh itu, kita hendaklah menggunakan segala kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah atau kerajaan dengan sebaiknya agar dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik dengan cemerlang.

TAJUK 3 : AKHLAK YANG MULIA

KANDUNGAN :

1. Intisari hadith
2. Maksud orang yang sempurna iman
3. Kesan berbuat baik kepada wanita
4. Kepentingan mempunyai iman yang sempurna
5. Usaha dan tindakan untuk meningkatkan keimanan
6. Pengajaran
7. Penilaian



Erti hadith : Daripada Abu Hurairah R.A berkata, rasulullah bersabda : “ orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah orang yang paling baik akhlaknya, orang yang terbaik dikalangan kamu adalah mereka yang paling baik akhlaknya kepada isteri isteri mereka.”

INTISARI HADITH

Orang yang berbuat baik kepada keluarganya dianggap sebagai sebaik –baik manusia kerana keluarga adalah mereka yang berhak untuk mendapat layanan yang baik. Seperti suami berbuat baik kepada isterinya. manakala orang yang tidak berbuat baik kepada keluarganya maka dimurkai oleh Allah.

MAKSUD ORANG YANG SEMPURNA IMAN

Iman yang sempurna akan menghasilkan akhlak mulia yang merupakan sebaik –baik perhiasan. Akhlak dan iman merupakan asas yang penting dalam kehidupan berkuarga , masyarakat dan Negara. Akhlak yang mulia tidak akan wujud tanpa iman dan begitu juga sebaliknya.

KESAN BERBUAT BAIK KEPADA WANITA

Islam amat mengambil berat tentang hal ehwal serta kebajikan kaum wanita contohnya isteri merupakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada seorang suami agar diberikan hak hak isteri, menjaga maruah isteri serta mengajarnya.

Suami tidak dibenarkan membuat sebarang bentuk penginayaan terhadap isterinya seperti mengabaikan nafkah,memukul isteri dan sebagainya tanpa sebab yang dibenarkan oleh syarak. Ini berpandukan kepada ayat al Quran surah an Nisak ayat 19.

Kesan berbuat baik kepada isteri ialah :

1. Mewujudkan hubungan harmoni dalam rumahtangga sebagaimana firman Allah Dalam al Quran surah at Tahrir ayat 6.
2. Memberikan motivasi kepada isteri agar membantu suami mengurus rumahtamngga.
3. Lahirkan pendidikan anak-anak yang sempurna mengikut ajaran agama.

KEPENTINGAN MEMPUNYAI IMAN YANG SEMPURNA

1. Menjadi perisai dan benteng bagi seseorang muslim daripada melakukan kemungkaran.
2. Menjadi prasyarat kepada penerimaan amalan soleh disisi Allah kerana kesempurnaan iman. Al Quran surah al Anbiak ayat 94.
3. Pemangkin dan pendorong semangat suka berkorban. Al Quran surah al Israk ayat 79.
4. Iman adalah ubat yang mujarab untuk menenangkan perasaan keluh kesah dan duka cita. Al Quran surah al An'am ayat 125

USAHA DAN TINDAKAN UNTUK MENINGKATKAN KEIMANAN

1. INDIVIDU
 - a. Menunaikan segala perintah Allah dan meninggalkan larangannya
 - b. Menuntut ilmu
2. MASYARAKAT
 1. Meyuburkan amalan memakmurkan masjid melalui solat berjamaah.
 2. Bantu membantu dalam perkara kebaikan.
3. NEGARA
 1. Kerajaan hendaklah mengadakan kempen kesedaran beragama dikalangan rakyat.
 2. Kerajaan dan jabatan agama hendaklah mempekasakan amar makruf nahi mungkar.

PENGAJARAN HADITH

1. Murid wajib menjadi seorang muslim yang sejati berpaksikan iman dan akhlak yang mulia.
2. Iman seseorang bergantung sejauh mana penghayatan terhadap akhlak yang mulia.
3. Seorang muslim mestilah berakhlak mulia kerana ianya sifat mulia
4. Pemimpin keluarga hendaklah membentuk keluarga yang beriman dan bertakwa.

PENILAIAN :

1. Apakah maksud : **لنساءهم**.....
2. Seseorang mukmin yang berakhlak mulia adalah seorang yang kepada isterinya.
3. Iman yang mantap akan menghasilkan yang mulia kepada diri seseorang mukmin.
4. Terangkan kepentingan mempunyai iman yang sempurna?
 - 1.
 - 2.
5. Apakah usaha dan tindakan yang boleh diamalkan untuk meningkatkan keimanan kepada masyarakat?
 - 1.
 - 2.




6. Huraikan cara untuk mewujudkan situasi di atas berserta dalil, contoh dan rumusan.

SKEMA

1. Isteri-isteri mereka
2. Berbuat baik
3. Akhlak
4. Kepentingan mempunyai iman yang sempurna :
 1. Menjadi perisai dan banteng bagi seseorang muslim daripada melakukan kemungkaran
 2. Merupakan pra syarat kepada penerimaan amalan soleh di sisi Allah swt kerana kesempurnaan iman.
5. Usaha dan tindakan yang boleh diamalkan untuk meningkatkan keimanan kepada masyarakat ialah :

1. Menyuburkan amalan memakmurkan masjid melalui solat berjamaah dan aktiviti keagamaan.
2. Bantu membantu dalam perkara kebaikan seperti suka bersedekah dan bergotong royong sesama anggota masyarakat.

6. Cara untuk mewujudkan situasi di atas dengan

Isi	Melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya terhadap keluarga
Huraian	Ini dapat dilakukan dengan membawa keluarga bersiar-siar bagi memenuhi masa lapang keluarga di hujung minggu
Huraian Lengkap	Kesannya keluarga akan menjadi keluarga yang sakinah dan mawaddah
Dalil	
Huraian Dalil	Mafhum ayat di atas menjelaskan tentang penciptaan isteri-isteri dari jenis kaum lelaki itu sendiri supaya mereka boleh bergaul dan merasa mawaddah serta rahmat antara mereka.
Rumusan	Oleh itu, kita hendaklah menjalankan amanah terhadap keluarga dengan sebaik mungkin kerana itu sebahagian tanda orang yang mempunyai akhlak yang mulia.

TAJUK 4 : MEMANFAATKAN NIKMAT SIHAT DAN MASA LAPANG

KANDUNGAN

1. Intisari hadith
2. Pengertian nikmat sihat dan masa lapang
3. Keperluan menjaga dan memanfaatkan nikmat sihat dan masa lapang
4. Keperluan menjaga nikmat sihat
5. Keperluan memanfaatkan masa lapang

6. Kepentingan mensyukuri nikmat Allah
7. Usaha-usaha untuk memanfaatkan kesihatan dan masa lapang dalam kehidupan

فَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ -رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا- قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ

Erti Hadith : Dua nikmat yang kebanyakan manusia sering terpedaya iaitu nikmat sihat dan masa lapang

INTISARI HADITH

- ✓ Rasulullah memperingatkan manusia menggunakan nikmat sihat dan masa lapang perlu digunakan ke arah aktiviti yang disukai Allah supaya melambangkan kesyukuran di atas kurniaannya.

PENGERTIAN NIKMAT SIHAT DAN MASA LAPANG

- ✓ Sihat bererti seseorang itu tidak menghadapi sebarang penyakit
- ✓ Masa lapang bererti keadaan seseorang yang tiada suatu pekerjaan yang hendak dilakukan

KEPERLUAN MENJAGA NIKMAT SIHAT

- ✓ Islam menyarankan umatnya menjaga kesihatan agar segala aktiviti dan rutin harian dapat dilaksanakan dengan sempurna
- ✓ Kempen gaya hidup sihat yang merangkumi pemakanan berkhasiat dan pengamalan aktiviti riadah dapat membantu melahirkan masyarakat yang sihat.
- ✓ Fungsi akal dapat dipelihara supaya manusia dapat menggunakan akal dengan lebih kreatif dan inovatif.

KEPERLUAN MEMANFAATKAN MASA LAPANG

- ✓ Manusia yang bijak dapat menguruskan masa dengan baik
- ✓ Pengurusan masa yang betul adalah dengan membahagikan masa kosong untuk diisi oleh aktiviti ibadah, belajar, riadah Bersama keluarga dan aktiviti kemasyarakatan.
- ✓ Kecuaian dalam mengurus masa akan mengakibatkan banyak urusan tertangguh dan tergendala

KEPENTINGAN MENSYUKURI NIKMAT ALLAH

- ✓ Nikmat akan ditambah kerana orang yang bersyukur disayangi Allah
- ✓ Mendidik sikap tawadhu` kerana menyedari setiap nikmat adalah pemberian Allah
- ✓ Meningkatkan produktiviti dalam pekerjaan kerana ingin mengekalkan kuantiti dan kualiti yang dimiliki
- ✓ Memajukan ekonomi negara kerana pelibatan masyarakat yang sihat

USAHA-USAHA MEMANFAATKAN NIKMAT KESIHATAN DAN MASA LAPANG

1. KESIHATAN

INDIVIDU

- ✓ Memperuntukkan waktu rehat yang mencukupi
- ✓ Melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala

MASYARAKAT

- ✓ Meluangkan masa beriadah Bersama keluarga
- ✓ Bergotong-royong membersihkan persekitaran Bersama-sama

NEGARA

- ✓ Mengadakan kempen pemakanan halal
- ✓ Penguatkuasaan larangan merokok

2. MASA LAPANG

INDIVIDU

- ✓ Memperbanyak zikrullah
- ✓ Membaca buku ilmiah

MASYARAKAT

- ✓ Mengadakan aktiviti yang bermanfaat secara Bersama-sama
- ✓ Mengadakan aktiviti riadah dalam komuniti

NEGARA

- ✓ Mengadakan program berfaedah kepada rakyat
- ✓ Menyediakan infrastruktur yang bermanfaat untuk aktiviti berfaedah
- ✓

PENGAJARAN HADITH

- ✓ Umat Islam wajib mensyukuri nikmat Allah kerana Allah telah memberi pelbagai nikmat dan limpah kurnia kepada kita.
- ✓ Umat Islam hendaklah menggunakan nikmat yang diberikan dengan cara yang mendatangkan manfaat dan berfaedah sebagai lambing kesyukuran kepada Allah

PENILAIAN

1. Perkataan “ مغبون ” dalam hadith di atas bermaksud _____.

2. **Utamakan dunia
Mencari hiburan
Banyak makan
Menuntut ilmu**

Perkataan berikut tidak _____ manusia.

3. Kepentingan mensyukuri nikmat Allah ialah dapat meningkatkan _____ kerana ingin mengekalkan kuantiti dan kualiti yang dimiliki.
4. Terangkan apakah keperluan menjaga dan memanfaatkan masa lapang?
- 1.
 - 2.
5. Jelaskan 2 kepentingan mensyukuri nikmat Allah?
- 1.
 - 2.

6.

**“Manusia sering mengabaikan nikmat
sihat dan masa lapang”**

Pada pandangan anda, mengapakah situasi di atas boleh berlaku? Nyatakan jawapan anda beserta contoh.

SKEMA

1. Sering terpedaya
2. Melalaikan
3. Produktiviti kerja
4.
 1. Pembahagian masa lapang yang betul merangkumi waktu beribadat, waktu belajar, waktu beriadah bersama keluarga dan kawan-kawan serta waktu beraktiviti bersama masyarakat.
 2. Kecuaian dan kegagalan menguruskan masa dengan betul akan menyebabkan banyak urusan dan aktiviti tergendala.
5.
 1. Bersyukur kerana mendapat nikmat adalah satu kewajipan setiap hamba Allah.
 2. Mendidik diri menjadi insan yang tawaduk kerana bersifat merendah diri dan tahu menghargai orang lain.
6. Pada pendapat saya, situasi di atas boleh berlaku kerana:

Isi	Kegagalan menguruskan masa dengan baik
Huraian	Ini mengakibatkan banyak urusan akan terbantut atau tergendala
Huraian Lengkap	Akibatnya kita gagal meningkatkan produktiviti kerja yang dirancang
Dalil	
Huraian Dalil	Mafhum ayat di atas menjelaskan kebanyakan manusia mensia-siakan masa yang berharga anugerah daripada Allah
Rumusan	Oleh itu, kita hendaklah mensyukuri nikmat masa yang merupakan kewajipan setiap hamba Allah.